

Headline	Kenaikan tarif elektrik tak dirasai pengguna kediaman		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	25 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	News	Page No	26
ArticleSize	113 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,225		



Kenaikan tarif elektrik tak dirasai pengguna kediaman

TELUK INTAN 24 Dis. - Kenaikan tarif elektrik mulai 1 Januari depan tidak memberi kesan terhadap pengguna khususnya pelanggan domestik atau kediaman, kata Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin (**gambar**).

Beliau berkata, di Perak, daripada 822,633 jumlah keseluruhan pelanggan Tenaga Nasional Berhad (TNB), sebanyak 677,596 merupakan pelanggan domestik atau kediaman.

"Daripada jumlah keseluruhan pelanggan kediaman, sebanyak 480,770 atau 71.6 peratus tidak akan mengalami sebarang kenaikan bil elektrik yang dinaikkan tarif bulan depan," katanya.



Beliau berkata demikian selepas merasmikan program *Back To School* anjuran TNB di Chenderung Balai, dekat sini semalam.

Pada program itu, TNB memberikan sumbangan kelengkapan persekolahan kepada 201 murid yang berusia antara tujuh hingga 12 tahun dari 18 buah sekolah di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Manik.

Turut hadir Pengurus Besar Negeri (Perak), Bahagian Pembahagian TNB, Wan Kamizi Wan Ishak.

Tambah Zainol, kenaikan tarif elektrik itu cuma memberi kesan kepada pelanggan industri di Perak.

Daripada 3,158 pelanggan industri, 730 daripadanya atau 23.1 peratus bakal mengalami kenaikan antara RM0.66 hingga RM52 dalam bil bulanan mereka.

"Bagi pelanggan komersial pula, terdapat 134,016 pelanggan TNB di negeri ini. Daripada jumlah itu, 106,017 atau 79.1 peratus daripadanya akan mengalami kenaikan antara RM1 hingga RM64 dalam bil bulanan mereka," jelas beliau.